



## KEJOHANAN BOWLING ANTARA JABATAN KUKUM

**Kejohanan** Bowling yang buat julung kalinya diadakan ini adalah bagi merebut Piala Timbalan Rektor. Ia telah berlangsung selama sehari di Sentosa Bowl, Alor Setar pada 28 September 2003. Semua jabatan di KUKUM telah mengambil bahagian dalam kategori-kategori yang dipertandingkan iaitu individu, berpasangan dan berpasukan. Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Rektor, Timbalan Rektor dan juga Pegawai-pegawai Utama yang lain.

Pada kejohanan kali ini, pasukan daripada Jabatan Pembangunan A telah muncul sebagai Johan Berpasukan yang mana telah menerima Piala Pusingan Timbalan Rektor, piala dan juga hamper.

